

Ekonomi MADANI kembali kukuhkan asas kewangan negara

• Dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar 5.1 peratus dan dijangkakan pada keseluruhan tahun ini bertumbuh melebihi jangkaan kerajaan, iaitu pada julat 4 peratus hingga 5 peratus

• Ketika ini, rakyat juga dijangka menerima limpahan kesan positif daripada pengukuhan asas ekonomi terbabit. Upah nominal sektor swasta meningkat 3 peratus pada suku ketiga tahun ini



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Reformasi ekonomi melalui naratif Ekonomi MADANI jelas menampilkan hasil sepanjang dua tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan, sekali gus sedikit sebanyak dapat dirasakan rakyat teramat terutama golongan berpendapatan rendah.

Pelabur luar mahupun tempatan sudah kembali yakin terhadap prospek ekonomi Malaysia, manakala sentiment perniagaan lebih optimis kebelakangan ini.

Apa yang pasti, asas ekonomi sudah kembali kukuh. Prestasi ekonomi pada suku ketiga tahun ini mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) membe-

rangsangkan, bertumbuh pada kadar 5.3 peratus, iaitu antara tertinggi di rantau ini dan dunia.

Dalam tempoh sembilan bulan tahun ini, ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar 5.1 peratus dan dijangkakan pada keseluruhan tahun ini bertumbuh melebihi jangkaan kerajaan, iaitu pada julat 4 peratus hingga 5 peratus.

Bank Dunia juga menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini dengan unjuran lebih baik dari sebelumnya dan menjangkakan ekonomi Malaysia boleh mencapai status negara berpendapatan tinggi seawal 2027.

Penarafan ekonomi Malaysia juga dinaikkan daripada institusi kewangan global seperti JP Morgan. Pada suku ketiga tahun ini juga, kemasukan dana asing meningkat RM22.2 bilion, iaitu tertinggi sejak suku ketiga pada 2012.

Dengan pelancaran Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, hala tuju terhadap perancangan ekonomi negara semakin jelas, terutama dalam sektor pembuatan.

Ini ditambah dengan pelancaran Strategi Semikondutur Nasional (NSS), Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan (AI) Negara, Kertas Tindakan KL20, Pelan Ekonomi Digital serta Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35).

Semua ini memastikan ekonomi Malaysia bersejua dan meraih pulangan optimum dengan sektor serta industri baharu mempunyai pertumbuhan, nilai tambah dan kompleksiti tinggi.

Industri bernilai tinggi dan berdaya maju serta penggunaan teknologi termaju ini perlu dilonjakkan untuk memastikan ketidakeimbangan digital dapat ditukarkan serta memastikan prestasi ekonomi kekal baik pada masa hadapan.

Malah, ia juga dapat mencipta pekerjaan berpen-

dapatan tinggi kepada rakyat terutama siswazah dan generasi muda.

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) pula bukan sahaja memastikan pertumbuhan ekonomi dipacu dengan lebih mampan, bahkan membuka peluang baharu kepada pelaburan, perniagaan serta pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat keseluruhannya.

79,187 pekerjaan baharu bakal diwujudkan

Pada enam bulan pertama tahun ini, sebanyak RM160 bilion nilai pelaburan diulaskan, peningkatan 18 peratus berbanding tahun lalu. Daripada 2,948 projek diulaskan, 79,187 pekerjaan baharu dijangka dapat diwujudkan. Malaysia mendapat tempas positif daripada kesan perang dagang Amerika Syarikat (AS) dan China berikutan kedudukan negara dalam rantai bekalan semikonduktor serta eksport barangan bukan elektrik dan elektronik (E&E) dan E&E itu sendiri.

Peningkatan dalam pelaburan sektor teknologi tinggi juga jelas dengan pembabitan syarikat gergasi teknologi dunia seperti Google, Microsoft, AWS dan Oracle melabur dengan jumlah nilai pelaburan AS\$16.9 bilion (RM75.5 bilion) untuk membina teknologi di rantau Asia.

Lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Mesir baru-baru ini juga dijangka menjana potensi nilai eksport sekitar RM4.8 bilion untuk Malaysia, berkait dengan sektor ekonomi bernilai tinggi seperti automotif, kimia dan tenaga boleh diperbaharui. Begitu juga lawatan beliau ke negara lain, seperti Korea Selatan pada ketika ini.

Inflasi berada pada tahap terkawal sepanjang tahun ini, dengan kedua-dua inflasi keseluruhan dan inflasi teras mencatatkan kadar purata 1.8 peratus. Tahap pengangguran sudahpun rendah, kembali

pada tahap prapandemik, manakala Kadar Dasar Semalaman (OPR) pula dijangka kekal stabil pada 3 peratus.

Pada suku ketiga tahun ini, ringgit sudah mengukuh sebanyak 14.9 peratus berbanding dolar AS, manakala prestasi eksport bagi barangan dan perkhidmatan meningkat 11.8 peratus pada Julai hingga September tahun ini.

Aktiviti pelaburan secara keseluruhan pada suku ketiga tahun ini juga kekal kukuh dengan pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar meningkat 15.3 peratus.

Ketika ini, rakyat juga dijangka menerima limpahan kesan positif daripada pengukuhan asas ekonomi terbabit. Upah nominal sektor swasta meningkat 3 peratus pada suku ketiga tahun ini berbanding 2.7 peratus pada suku lalu.

Gaji penjawat awam akan dinaikkan secara berfasa bermula Disember ini. Dasar Gaji Minimum ditingkatkan dan Dasar Gaji Progresif sudah diperkenalkan. Pemberian bantuan tunai secara langsung kepada rakyat seperti program Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) ditingkatkan di bawah Belanjawan 2025.

Begitu juga program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), ikhtiar pemerikasaan pemain perusahan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pembangunan infrastruktur luar bandar dan juga usaha membasmi kemiskinan tegar berterusan.

Semua ini dijangka dapat mengurangkan beban rakyat dalam mendepani kenaikan kos sara hidup dengan usaha untuk meningkatkan kuasa beli rakyat. Pelaksanaan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA), penyasaran semula subsidi, reformasi cukai serta penekanan kepada tadbir urus dan tatakelola baik dijangka dapat mengurus perbelanjaan kerajaan dengan lebih berhemah.

Usaha membanteras kartel dan menghapuskan budaya ali baba juga signifikan untuk meningkatkan kecekapan serta persaingan dalam ekonomi. Tahun hadapan, Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dijangka dibentangkan, sekali gus menjadi satu lagi dokumen penting untuk merealisasikan tujuh penanda aras di bawah kerangka Ekonomi MADANI.

Jadi, usaha menaikkan lantai dan siling 'rumah Malaysia' perlu dilipatgandakan supaya objektif mengangkat Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan tingkat darjat hidup rakyat dapat direalisasikan, akhirnya dapat mengeluarkan ekonomi Malaysia daripada masalah perangkap pendapatan pertengahan dan seterusnya menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“Usaha menaikkan lantai dan siling ‘rumah Malaysia’ perlu dilipatgandakan supaya objektif mengangkat Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan tingkat darjat hidup rakyat dapat direalisasikan”